

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 5/2005

DASAR PINDAHMILIK TANAH UNTUK PEMBANGUNAN (Syarat Agihan Jualan 30% kepada orang melayu oleh Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 3/1988)

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 16/2005 pada 24 Ogos 2005 semasa menimbang kertas MMK Bil. 16/1448/2005 berhubung dengan “*Dasar Pindahmilik Tanah Untuk Pembangunan (Syarat Agihan Jualan 30% Kepada Orang Melayu oleh Pekeliling PTG Bil. 3/1988)*” telah bersetuju supaya syarat agihan tersebut diperjelaskan bagi memastikan syarat agihan tersebut dapat dilaksanakan berdasarkan hasrat sebenar Kerajaan Negeri.

2. Bagi tujuan penjelasan tersebut, Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang sama telah membuat keputusan sebagaimana berikut :-

- 2.1 Syarat agihan jualan 30% kepada orang melayu bagi tanah milik bukan melayu yang dimajukan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 1.3 Pekeliling PTG Bil. 3/1988 hendaklah tertakluk kepada jenis kategori bangunan dan bukan berdasarkan keseluruhan projek sebagaimana contoh jadual kedudukan agihan jualan di ***Lampiran I***.
- 2.2 Penjelasan pengenaan syarat agihan sebagaimana perenggan 2.1 di atas juga hendaklah digunapakai bagi agihan jualan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi projek-projek perumahan terbengkalai.

3. Sehubungan dengan itu, Pentadbir-Pentadbir Tanah dengan ini diminta supaya memberi perhatian terhadap penjelasan ini semasa mengendalikan permohonan-permohonan pindahmilik yang melibatkan pengenaan syarat agihan jualan ini.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

t.t

(Hj. Che Kamarulzaman Bin Hj. Mohamed)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar
Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar
Negeri Kelantan
3. YB. Pengerusi Jawatankuasa Kewangan,
Perancangan Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat
Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan
Negeri Kelantan.
6. YB. Penasihat Undang-Undang
Negeri Kelantan.

7. YBhg. Dato' Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Negeri Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha
(Bahagian Kerajaan Tempatan SUK)
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha
(Bahagian Majlis Mesyuarat Kerajaan SUK)

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

Bertarikh : 26 September 2005

Fail : *PTG. KN. 1/2/4 (53)*

LAMPIRAN I

CONTOH JADUAL KEDUDUKAN KUOTA JUALAN 30% KEPADA ORANG MELAYU BAGI TANAH MILIK BUKAN MELAYU YANG DIMAJUKAN SEBAGAIMANA PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 3/1988

BIL	KATEGORI BANGUNAN	KUOTA JUALAN		JUMLAH UNIT
		BUKAN MELAYU 70%	MELAYU 30%	
1.	Rumah Teres 1 Tingkat "SST Type A & B" (Keluasan Lantai : 840.79 k.p)	70	30	100
2.	Rumah Teres 1 ½ Tingkat (Keluasan Lantai : 1064.40 k.p)	14	6	20
3.	Rumah Teres 2 Tingkat (Keluasan Lantai : 1470 k.p)	35	15	50
4.	Rumah Teres 1 Tingkat "SST Type C" (Keluasan Lantai : 1,100 k.p)	7	3	10
5.	Banglo 1 Tingkat Keluasan Lantai : 1,207.63 k.p	7	3	10
	JUMLAH	133	57	190